

KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023 (ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. Kempen “**CIMB Clicks Touch ‘n Go eWallet x DuitNow Challenge 2023 (Round 2)**” (“Kempen”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari jam 12:30 (GMT+8) pada 29^{hb} Mac 2023 hingga jam 23:59 (GMT+8) pada 31^{hb} Mei 2023, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalender untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh penamatkan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Semua pelanggan CIMB Clicks baharu dan sedia ada yang tidak pernah menambah nilai (pengguna kali pertama) Touch ‘n Go eWallet mereka melalui “*DuitNow to Account*” pada aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau portal perbankan dalam talian CIMB Clicks mereka adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”). Akaun simpanan/-i atau akaun semasa/-i CIMB mereka mesti didaftarkan dengan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks (“**Akaun Penyertaan**”).
5. Orang/entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini untuk memenangi Hadiah (selepas ini ditakrifkan di Klausus 6 di bawah):
 - a. Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan penyedia perkhidmatan pihak ke-3) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaan) dan pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak mereka serta ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik); dan/atau
 - b. Pelanggan yang Akaun Penyertaan telah ditamatkan, digantungkan, dibatalkan atau menjadi dorman dalam Tempoh Kempen; dan/atau
 - c. Pelanggan yang akaunnya dengan CIMB telah dianggap sebagai delinkuen atau tidak berada dalam kedudukan yang baik sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya; dan/atau
 - d. Pelanggan yang telah diisyiharkan sebagai bankrap atau penggulungan, mempunyai prosiding undang-undang dalam apa juar sifat yang dimulakan terhadap mereka, atau hendaklah telah diisyiharkan sebagai tidak waras; dan/atau
 - e. Individu di bawah umur 18 tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori individu/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah

**KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023
(ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

6. Peserta Layak berpeluang memenangi hadiah berikut (“**Hadiah**”) di bawah Kempen ini:

Tempoh Kempen	Kategori Hadiah	Hadiah	Bilangan Pemenang
29 ^{hb} Mac 2023 – 31 ^{hb} Mei 2023	Hadiah Penyertaan Awal (“ <i>Early Bird Prize</i> ”)	PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet RM0.80	38,800 pemenang
		PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet RM8	2,000 pemenang
	Hadiah Istimewa	Kad Touch ‘n Go Enhanced	100 pemenang

Kriteria Penyertaan

7. Peserta Layak boleh memenangi Hadiah Penyertaan Awal dan memperoleh penyertaan (“**Penyertaan**”) untuk berpeluang memenangi Hadiah Istimewa yang dirujuk dalam Klaus 6 di atas dengan melakukan transaksi berikut semasa Tempoh Kempen: -

Kriteria Penyertaan	Hadiah & Penyertaan Diperolehi
Lakukan <u>satu (1)</u> Transaksi DuitNow Layak (selepas ini ditakrifkan di Klaus 9 di bawah) untuk menambah nilai Aplikasi Touch ‘n Go eWallet mereka dengan nilai transaksi minimum RM50 melalui: (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet RM0.80 atau RM8 <u>DAN</u> satu (1) Penyertaan

8. Sekiranya Peserta Layak selanjutnya melakukan dua (2) atau lebih lagi Transaksi DuitNow Layak (selepas ini ditakrifkan pada Klaus 9 di bawah) untuk menambah nilai Aplikasi Touch ‘n Go eWallet mereka (tertakluk kepada nilai transaksi minimum RM50 untuk setiap transaksi) melalui: (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; dan/atau (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks, beliau akan memperoleh satu (1) Penyertaan tambahan.
9. Bagi tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ungkapan “**Transaksi DuitNow Layak**” hendaklah ditakrifkan seperti berikut: -

Definisi Transaksi DuitNow Layak	
“ Transaksi DuitNow Layak ”	Pemindahan dana ke luar yang berjaya (tertakluk kepada Klaus 10 di bawah) daripada Akaun Penyertaan Peserta Layak kepada Aplikasi

KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023 (ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

	Touch ‘n Go eWallet Peserta Layak dengan menggunakan fungsi “DuitNow to Account (Instant Transfer) to Other Banks/E-Wallets” yang disediakan dalam: (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.
--	---

10. Untuk layak sebagai Transaksi DuitNow Layak, pemindahan dana ke luar mesti dilakukan dengan menggunakan dana daripada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak.
11. Penjejakan Transaksi DuitNow Layak hendaklah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
12. Peserta Layak dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB berkenaan sama ada mana-mana transaksi tertentu membentuk Transaksi DuitNow Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar oleh mana-mana orang dalam apa cara sekalipun.

Proses Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang mengikut Kategori Hadiah

13. **Hadiah Istimewa**
 - a. Pada hujung Tempoh Kempen sistem CIMB akan menyenarai pendek senarai pemenang berpotensi daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan (menurut Klausula-Klausula 7 dan 8 di atas) dalam Tempoh Kempen (“**Pemenang Hadiah Istimewa Berpotensi**”).
 - b. Pemenang Hadiah Istimewa Berpotensi yang nombor mudah alihnya telah didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas (“**SMS**”). Pemenang Hadiah Istimewa Berpotensi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membala SMS tersebut dalam masa terpantas.
 - c. Tertakluk kepada Klausula 15 di bawah, SERATUS (100) Pemenang Hadiah Istimewa Berpotensi pertama yang membala SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Istimewa (“**Pemenang Hadiah Istimewa**”). Untuk mengelakkan keraguan, hanya Pemenang Hadiah Istimewa Berpotensi yang mempunyai alamat e-mel, alamat surat-menyerat dan nombor mudah alih sah yang dikekalkan dalam rekod CIMB akan layak untuk memenangi Hadiah Istimewa di bawah Kempen ini.
 - d. Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan hakim panel yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
14. **Hadiah Penyertaan Awal**

KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023 (ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

- a. Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan (seperti yang ditakrifkan di Klausus 7 di atas) akan menerima pemberitahuan semerta (“*push notification*”) daripada CIMB melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks untuk bermain Cabaran TNG x DuitNow dengan mengklik pada butang “*Play Now*” untuk mengetik dan mengeluarkan daripada mesin cakar melalui bahagian “*Challenges*” dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks.
 - b. Hadiah Penyertaan Awal akan diedarkan atas dasar siapa cepat dia dapat dan Peserta Layak yang menerima Hadiah Penyertaan Awal akan selepas ini dirujuk sebagai “**Pemenang Hadiah Penyertaan Awal**”.
 - c. Bagi Peserta Layak yang baru kepada aplikasi mudah alih CIMB Clicks, ia akan mengambil tujuh (7) hari bekerja untuk Transaksi DuitNow Layak dicerminkan dalam bahagian “*Challenges*” dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks. Untuk mengelakkan keraguan, Peserta Layak boleh kemudiannya bermain Cabaran TNG x DuitNow mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausus 14(a) hanya selepas Transaksi DuitNow Layak telah dicerminkan dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicksnya.
15. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat mereka yang dikekalkan dengan CIMB adalah terkini dan dikemas kini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah jika kehilangan atau kegagalan tersebut disebabkan oleh nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat Peserta Layak yang bukan terkini atau tidak tepat.
 16. Peserta Layak layak memenangi maksimum dua (2) Hadiah Penyertaan Awal dan satu (1) Hadiah Istimewa sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
 17. Pada masa pemilihan Pemenang Hadiah Istimewa dan Pemenang Hadiah Penyertaan Awal (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Pemenang**”), Akaun Penyertaan mereka (a) MESTI berada dalam kedudukan yang baik; dan (b) MESTI TIDAK memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/atau perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan; dan (c) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan (‘*adverse orders*’) yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau dijadikan tidak sah atau telah dibatalkan dalam apa-apa cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen. Jika tidak, Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau menjadi Pemenang di bawah Kempen ini.

Pemenuhan Hadiah

18. Pemenuhan Hadiah
 - a. **Hadiah Istimewa**

KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023 (ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

- i. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang Hadiah Istimewa tentang kemenangan mereka pada hujung Tempoh Kempen melalui: (a) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di www.cimbclicks.com.my; atau (b) mel elektronik; atau (c) SMS ke nombor mudah alih Pemenang Hadiah Istimewa yang dikekalkan dengan CIMB; atau (d) pemberitahuan semerta, atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.
- ii. Hadiah Istimewa akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemenang Hadiah Istimewa di Malaysia yang kini dikekalkan dengan CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen oleh pengedar/ejen pihak ketiga yang dilantik oleh CIMB.
- iii. Pemenang Hadiah Istimewa dengan ini secara nyata bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan butirannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat surat-menyurat) kepada pengedar/ejen yang kemudiannya boleh menghubungi Pemenang Hadiah Istimewa berkenaan penghantaran atau penebusan Hadiah Istimewa.

b. Hadiah Penyertaan Awal

- i. Pemenang Hadiah Penyertaan Awal akan menerima Hadiah Penyertaan Awal dalam masa nyata serta-merta selepas melengkapkan Cabaran TNG x DuitNow (seperti yang dinyatakan di Klause 14(a) di atas) dalam bentuk kod PIN Tambah Nilai elektronik.
- ii. Sebagai alternatif, Pemenang Hadiah Penyertaan Awal juga boleh mendapatkan semula kod PIN Tambah Nilai elektronik daripada bahagian “*Challenges*” > “*Your Voucher to Redeem*” melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks mereka.
- iii. Hadiah Penyertaan Awal mesti ditebus dalam tempoh sah yang ditetapkan oleh Pemenang Hadiah Penyertaan Awal, jika tidak Hadiah Penyertaan Awal mungkin dilucuthakkan oleh penyedia berkaitan secara automatik tanpa notis lanjutan kepada Pemenang Hadiah Penyertaan Awal. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Kod PIN Tambah Nilai elektronik yang luput kepada Pemenang Hadiah Penyertaan Awal dalam apa juu keadaan sekalipun.
- iv. Hadiah Penyertaan Awal ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penyedia berkaitan di bawah terma-terma dan syarat-syarat sedemikian seperti yang ditentukan oleh penyedia tersebut dan CIMB tidak menerima liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun timbul berkenaan dengan Hadiah Penyertaan Awal dan penggunaannya oleh Pememang Hadiah Penyertaan Awal, walaupun jika CIMB

KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023 (ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

telah dinasihatkan tentang kemungkinan ganti rugi tersebut, jika ada, terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut dikecualikan secara nyata.

- v. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengesahan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, kepada Hadiah Penyertaan Awal. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau ganti rugi akibat daripada penggunaan Hadiah Penyertaan Awal.
 - vi. CIMB tidak akan melayan sebarang aduan jua yang berkaitan dengan Hadiah Penyertaan Awal. Kemasukan Hadiah Penyertaan Awal dalam Kempen ini tidak akan ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran yang sama oleh CIMB. Liabiliti CIMB berkenaan dengan Hadiah Penyertaan Awal adalah hanya untuk membayar harga yang sama kepada penyedia berkaitan.
19. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
20. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai setara atau mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan sekalipun. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk menghantar Hadiah ke mana-mana alamat e-mel/nombor mudah alih/alamat mel lain.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

- 21. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan juga telah membenarkan CIMB memproses dan mendedahkan maklumat peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimb.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan dengan adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan dianugerahkan dan keputusan sedemikian hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
- 22. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan Peserta Layak yang ianya tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau telah bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 23. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalender kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB tidak akan memberikan hak kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh

KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023 (ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.

24. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya di sini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam (*‘act of God’*) di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi dalam apa jua sifat yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun timbul, berkenaan dengan penyertaan atau kegagalan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau e-mel atau sebarang bentuk komunikasi lain daripada CIMB oleh Peserta Layak melainkan yang sama timbul daripada dan adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
26. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) (“**Pindaan**”) mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu daripada cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau di laman web CIMB di mana peruntukan terperinci berkenaan Pindaan boleh diberikan di dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan, atau dengan melaksanakan suatu iklan berkenaan Pindaan di dalam suatu surat khabar pilihan CIMB atau dengan mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB dan Pindaan tersebut akan dianggap sebagai mengikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau mana-mana tarikh lain sepertimana yang mungkin ditetapkan oleh CIMB di dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau pengubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini
27. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung pindaan, pengubahsuaian, pemadaman, penambahan atau perubahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
28. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausus 26 di atas) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-

KEMPEN “CIMB CLICKS TOUCH ‘N GO EWALLET X DUITNOW CHALLENGE 2023 (ROUND 2)” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

29. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, persoalan atau aduan oleh Peserta Layak berkenaan akaun semasa-i atau akaun simpanan-i di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah ditujukan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perkara berkaitan dengan akaun semasa-i atau akaun simpanan-i di bawah CIMB Islamic Bank.
30. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau yang terpakai kepada Kempen atau apa-apa perkara di sini
31. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB di dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
32. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / E-mel: cru@cimb.com.